



Antara jemputan yang hadir pada majlis Pelancaran MRT Fasa 1 laluan Sungai Buloh-Semantan, semalam.

# 50 peratus kontrak projek MRT diperuntuk kepada Bumiputera

Fakta nombor

43 PERATUS

sasaran awal nilai kontrak projek MRT kepada syarikat Bumiputera

➔ Peratusan lebih tinggi daripada sasaran awal

Oleh Rohaniza Idris, Hazwan Faisal Mohamad, Luqman Arif Abdul Karim dan Faris Fuad  
bhnews@bh.com.my

► Sungai Buloh

Sebanyak 50 peratus daripada nilai keseluruhan kontrak projek rel Mass Rapid Transit (MRT) diserahkan kepada syarikat Bumiputera yang layak, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, peratusan itu adalah lebih tinggi daripada sasaran awal yang ditetapkan iaitu 43 peratus.

"Kita bukan beri saja (kontrak kepada syarikat Bumiputera). Kita suruh supaya mereka bersaing dengan syarikat bukan Bumiputera.

Jadi, kita pastikan mereka ini dapat kerana layak untuk mengendalikan projek ini.

"Setakat ini, Fasa Pertama MRT (Sungai Buloh-Semantan) ini nilai kontrak kepada syarikat Bumiputera 50 peratus dan 50 peratus kepada bukan Bumiputera," katanya berucap pada majlis pelancaran Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang di stesen MRT Kwasa Damansara di sini, semalam.

**Peluang adil, saksama**

Najib berkata, beliau juga meminta supaya peluang yang adil dan saksama diberikan kepada usahawan yang mengendalikan kedai di semua stesen MRT.

"Seperkara lagi yang dekat dengan hati saya, usahawan yang mengendalikan kedai-kedai di si-

ni, sebahagian daripada ruang perniagaan di stesen-stesen MRT, saya kata berilah secara adil dan saksama supaya mereka yang dapat peluang perniagaan ini mencerminkan penyertaan semua golongan rakyat di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata usahawan Bumiputera turut diberikan sebanyak 50 peratus ruang niaga di stesen MRT dan jauh melebihi sasaran awal sebanyak 30 peratus.

Pada majlis itu, beliau turut menyerahkan sijil penyertaan kepada 14 peniaga yang mengambil bahagian dalam Program Niaga MRT.

Najib berkata, projek MRT bukan sahaja mengenai pembinaan sistem rel bandar yang bertaraf dunia, tetapi juga perlu dilihat dari

pelbagai dimensi.

Katanya, banyak manfaat diperoleh daripada projek itu antaranya kerja pembinaan, penjanaan peluang pekerjaan, peningkatan nilai hartanah, peningkatan produktiviti, penjimatan masa kerana dapat mengelak dari kesesakan lalu lintas dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Cuba bayangkan anak kampung, bandar yang ada kelulusan. Jika tiada projek seumpama ini, di mana mereka hendak mendapatkan pekerjaan.

"Alhamdulillah, (dengan projek MRT) bukan saja mereka dapat pekerjaan, tetapi paling berharga mendapat pengalaman bekerja melaksanakan projek yang begitu sofistikated dan menggunakan teknologi moden" katanya.